

KEMPEN ANTI
GST
#FAHAMGSTTOLAKGST

Rafizi Ramli
Ahli Parlimen Pandan



KANDUNGAN

- **Apa itu GST – skop pelaksanaan, mekanisme, terma penting, kewajiban mengecaj GST**
- **Apa beza GST dengan cukai sekarang?**
- **Kesan pelaksanaan GST**
- **Hujah berbeza mengenai pelaksanaan GST kepada ekonomi negara**
- **Soalan lazim mengenai GST**



APA ITU GST?

Skop pelaksanaan GST

- **GST adalah “goods and services tax” atau cukai barangan dan perkhidmatan. Di negara lain cukai ini turut dikenali sebagai cukai nilai tambahan atau “value added tax” (VAT)**
- **GST adalah cukai yang dikenakan bagi setiap urusanniaga. Urusniaga adalah sebarang pertukaran barang atau perkhidmatan di antara dua pihak atau lebih, sama ada melibatkan pertukaran wang atau pun tidak**
- **Kadar GST yang ditetapkan oleh kerajaan menentukan berapa banyak cukai yang ditanggung oleh pengguna**
- **Mengikut undang-undang, GST dikenakan ke atas setiap urusanniaga kecuali jika urusanniaga itu diberi pengecualian dari skop GST**



APA ITU GST?

Skop pelaksanaan GST

“.. Barang makanan asas seperti beras, gula, garam, tepung, minyak masak, kacang dhal, rempah ratus, ikan masin, cencalok, budu sekalipun belacan..”

“.. Bekalan air paip dan 200 unit pertama elektrik sebulan bagi pengguna domestik..”

“..Perkhidmatan pengangkutan seperti perkhidmatan bas, keretapi, LRT, teksi, feri, bot, tol lebuhraya serta perkhidmatan pendidikan dan kesihatan...

“..Jual beli dan sewaan rumah kediaman serta perkhidmatan kewangan yang terpilih...”



Ucapan belanjawan Menteri Kewangan, 25 Oktober 2013



APA ITU GST?

Skop pelaksanaan GST

YANG LAIN SEMUA KENA GST

Kereta sabun buku pensil **topi** baju bayi **biskut** telefon kotak mekanik kerusi tayar **gunting rambut** cincin **barang elektrik baju sekolah ubatan** kontraktor **CD barang kemas selipar topup kedai mamak percutian lembu** tukang paip **KFC tiket bola katering...**



APA ITU GST?

Skop pelaksanaan GST

- Semua perkhidmatan atau barangan yang tidak diumumkan sebagai “dikecualikan” akan dikenakan GST
- Pada setiap peringkat urusan niaga, GST akan dikenakan
- Pengilang, pengedar dan penjual boleh mendapatkan kredit dari GST yang dibayar
- Akhirnya, GST ditanggung sepenuhnya oleh pengguna



**Tahukah anda
baiki rumah
pun kena
GST?**

Untuk ketahui lebih lanjut,
Jom Ikuti :

#FAHAMGSTTOLAKGST
TAKLIMAT PERCUMA GST

OLEH YB RAFIZI RAMLI
RABU, 18 DISEMBER 2013, 830 PM
AUDITORIUM MPAJ, AMPANG





APA ITU GST?

Mekanisme pelaksanaan

Contoh: Bagaimana GST memberi kesan kepada kos dan harga kasut sekolah?

CAJ GST

KREDIT GST

1 **PENGILANG**

Pengilang membeli getah, fabrik, gam dan lain-lain bahan mentah untuk membuat kasut.

RM3,000

Kos RM50,000, GST @ 6%
Jumlah dibayar RM53,000



APA ITU GST?

Mekanisme pelaksanaan

Contoh: Bagaimana GST memberi kesan kepada kos dan harga kasut sekolah?

CAJ GST

KREDIT GST

1 **PENGILANG**

Pengilang membayar elektrik, menanggung kos senggaraan mesin, beli mesin baru.

RM2,400

Kos RM40,000, GST @ 6%
Jumlah dibayar RM42,400



APA ITU GST?

Mekanisme pelaksanaan

Contoh: Bagaimana GST memberi kesan kepada kos dan harga kasut sekolah?

CAJ GST

KREDIT GST

1 **PENGILANG**

Pengilang menjual kasut yang telah siap kepada pengedar dan pemborong. Setiap kasut berharga RM10, sebanyak 10,000 kasut dijual

RM6,000

**Jualan RM100,000, GST @ 6%
Jumlah jualan RM106,000**



APA ITU GST?

Mekanisme pelaksanaan

Contoh: Bagaimana GST memberi kesan kepada kos dan harga kasut sekolah?

CAJ GST

KREDIT GST

1 PENGILANG

Pada akhir bulan, pengilang mengisi borang GST kepada Kastam. Pengilang mengutip cukai GST dari jualan kepada pengedar sebanyak RM6,000 tetapi mendapat kredit GST dari belian sebanyak RM5,400

Pengilang perlu membayar RM600 kepada kerajaan

RM6,000

(RM5,400)



RM600



APA ITU GST?

Mekanisme pelaksanaan

Contoh: Bagaimana GST memberi kesan kepada kos dan harga kasut sekolah?

CAJ GST

KREDIT GST

2 PENGEDAR

Pengedar membeli kasut dari pengilang pada harga RM10 setiap satu. Beli 10,000 kasut

RM6,000

**Kos RM100,000, GST @ 6%
Jumlah dibayar RM106,000**



APA ITU GST?

Mekanisme pelaksanaan

Contoh: Bagaimana GST memberi kesan kepada kos dan harga kasut sekolah?

CAJ GST

KREDIT GST

2

PENGEDAR

Pengedar membayar elektrik, akauntan, pengiklanan dan kos perniagaan lain

RM1,200

Kos RM20,000, GST @ 6%
Jumlah dibayar RM21,200



APA ITU GST?

Mekanisme pelaksanaan

Contoh: Bagaimana GST memberi kesan kepada kos dan harga kasut sekolah?

CAJ GST

KREDIT GST

2

PENGEDAR

Pengedar menjual kasut kepada kedai-kedai pada harga RM15 setiap satu. 8,000 kasut dijual bulan itu

RM7,200

**Jualan RM120,000, GST @ 6%
Jumlah jualan RM127,200**



APA ITU GST?

Mekanisme pelaksanaan

Contoh: Bagaimana GST memberi kesan kepada kos dan harga kasut sekolah?

CAJ GST

KREDIT GST

2 PENGEDAR

Pada akhir bulan, pengedar mengisi borang GST kepada Kastam. Pengedar mengutip cukai GST dari jualan kepada kedai sebanyak **RM7,200** tetapi mendapat kredit GST dari belian sebanyak **RM7,200**

Pengedar tidak perlu membayar apa-apa bulan itu

RM7,200

(RM7,200)



RM0



APA ITU GST?

Mekanisme pelaksanaan

Contoh: Bagaimana GST memberi kesan kepada kos dan harga kasut sekolah?

CAJ GST

KREDIT GST

3

KEDAI

Kedai membeli kasut dari pengedar pada harga RM15 setiap satu. Beli 500 kasut

RM450

**Kos RM7,500, GST @ 6%
Jumlah dibayar RM7,950**



APA ITU GST?

Mekanisme pelaksanaan

Contoh: Bagaimana GST memberi kesan kepada kos dan harga kasut sekolah?

CAJ GST

KREDIT GST

3 KEDAI

Kedai tanggung kos operasi seperti elektrik, kertas, iklan dan lain-lain

RM300

**Kos RM5,000, GST @ 6%
Jumlah dibayar RM5,300**



APA ITU GST?

Mekanisme pelaksanaan

Contoh: Bagaimana GST memberi kesan kepada kos dan harga kasut sekolah?

CAJ GST

KREDIT GST

3

KEDAI

**Kedai jual 100 kasut bulan
itu pada harga RM25 setiap
satu**

RM150

**Jualan RM2,500, GST @ 6%
Jumlah dijualan RM2,650**



APA ITU GST?

Mekanisme pelaksanaan

Contoh: Bagaimana GST memberi kesan kepada kos dan harga kasut sekolah?

CAJ GST

KREDIT GST

3 KEDAI

Pada akhir bulan, kedai mengisi borang GST kepada Kastam. Kedai mengutip cukai GST dari jualan kepada pengguna sebanyak RM₁₅₀ tetapi mendapat kredit GST dari belian sebanyak RM₇₅₀

Kedai mendapat balik *refund* dari Kastam sebanyak RM₆₀₀

RM₁₅₀

(RM₇₅₀)



REFUND

RM₆₀₀



APA ITU GST?


Mekanisme pelaksanaan

Contoh: Bagaimana GST memberi kesan kepada kos dan harga kasut sekolah?

Pengilang hanya mengutip GST dari pengedar yang membeli kasut, bagi pihak kerajaan

Pengedar hanya mengutip GST dari kedai yang membeli kasut, bagi pihak kerajaan

Kedai hanya mengutip GST dari pengguna yang membeli kasut, bagi pihak kerajaan



Setiap satu sen GST yang dibayar oleh pengilang di-*refund* oleh kerajaan melalui kredit GST

Setiap satu sen GST yang dibayar oleh pengedar di-*refund* oleh kerajaan melalui kredit GST

Setiap satu sen GST yang dibayar oleh kedai di-*refund* oleh kerajaan melalui kredit GST



APA ITU GST?

Siapa yang menanggung GST



**RAKYAT
MALAYSIA**

Gambar ehsan TheMalaysianInsider

#FAHAMGSTTOLAKGST



APA ITU GST?

Terma penting

- **“Bekalan” (*supply*)** – urusan sama ada barangan atau perkhidmatan
- **“Kredit GST”** – cukai GST yang akan dibayar balik (*refund*) kepada peniaga atas barangan yang dibeli
- **“Kadar GST standard” (*standard rated*)** – GST sebanyak 6% yang dikenakan ke atas semua urusan yang tertakluk di bawah skop GST
- **“Kadar GST sifar” (*zero rated*)** – peniaga tidak perlu mengenakan caj GST ke atas barang/perkhidmatan yang dijual tetapi boleh mendapatkan kredit GST atas pembelian



APA ITU GST?

Terma penting

- **“Dikecualikan GST ” (*exempt supply*)** – peniaga tidak perlu mengenakan caj GST ke atas barang/perkhidmatan yang dijual dan tidak boleh mendapatkan kredit GST atas pembelian



APA ITU GST?

Kewajipan mengecaj GST

- **Setiap entiti (baik peniaga perseorangan atau syarikat) yang menjual barang atau perkhidmatan melebihi RM_{500,000} setahun WAJIB mendaftar untuk mengenakan GST**
- **Setiap entiti (baik peniaga perseorangan atau syarikat) yang menjual barang atau perkhidmatan kurang RM_{500,000} setahun BOLEH mendaftar secara sukarela untuk mengenakan GST**
- **Selalunya, syarikat di bawah RM_{500,000} setahun tetap mendaftar agar mereka boleh mendapatkan kredit GST**
- **Kesannya, majoriti peniaga akan mengenakan GST walaupun mengikut undang-undang tidak wajib**



APA BEZA GST DENGAN CUKAI SEKARANG (SST)?

	CUKAI BARANGAN & PERKHIDMATAN (GST)	CUKAI JUALAN & CUKAI PERKHIDMATAN (SST)
Peringkat cukai	Berperingkat. Pada setiap peringkat, GST dikenakan & peniaga boleh mendapat kredit GST	Satu peringkat. Cukai hanya dikenakan di peringkat kilang sekali sahaja
Skop pelaksanaan	Semua dikenakan GST kecuali teras dalam senarai pengecualian	Hanya barang dan perkhidmatan tertentu yang disenaraikan kerajaan
Kadar	6% bagi standard, 0% bagi sifar	Berbeza-beza, ada 6% (cukai perkhidmatan), ada 10% (jualan)



KESAN PELAKSANAAN GST

Syarat pematuhan (compliance) yang lebih ketat meningkatkan kos peniaga. Barang & perkhidmatan yang dicukai juga meningkatkan kos peniaga



Skop lebih besar menyebabkan hampir semua barang & perkhidmatan dikenakan cukai. Walaupun kadar lebih rendah, lebih banyak perbelanjaan dicukai berbanding sekarang

Apabila hampir semua barang & perkhidmatan dikenakan cukai & kos niaga meningkat, akhirnya ini meningkatkan inflasi dan harga barang



KESAN PELAKSANAAN GST

Kos tambahan yang terpaksa ditanggung oleh peniaga ini menjejaskan perniagaan mereka.

Dianggarkan kos melaksanakan GST (mencetak invois baru, membayar akauntan, kursus dan lain-lain) mencecah RM15,000 setahun setiap syarikat.

Ini akan dimasukkan di dalam kos yang akan menaikkan harga.



Do you know businesses have to incur at least **RM15,000 a year to implement GST?**

To know more, [Join](#) :

#FAHAMGSTTOLAKGST
TAKLIMAT PERCUMA GST

OLEH YB RAFIZI RAMLI
RABU, 18 DISEMBER 2013, 830 PM
AUDITORIUM MPAJ, AMPANG





HUJAH BERBEZA PELAKSANAAN GST TERHADAP EKONOMI NEGARA

1

Kerajaan tiada sumber kewangan dan perlu mengenakan cukai baru untuk menambah sumber kewangan

Data ekonomi menunjukkan peningkatan pendapatan negara yang mendadak dari tahun 2003 hingga sekarang.

PETRONAS menyumbang sehingga RM70 bilion setiap tahun, berbanding hanya sekitar RM3 bilion yang diambil dari PETRONAS semasa Dato' Seri Anwar Ibrahim menjadi Menteri Kewangan.


Cukai dan pendapatan negara terus meningkat, tetapi ia tetap tidak mencukupi kerana perbelanjaan kerajaan sekarang yang tidak terkawal.



HUJAH BERBEZA PELAKSANAAN GST TERHADAP EKONOMI NEGARA

1

Kerajaan tiada sumber kewangan dan perlu mengenakan cukai baru untuk menambah sumber kewangan



Pendapatan negara meningkat 2 kali ganda dalam tempoh 10 tahun.

Mana pergi wang itu?



HUJAH BERBEZA PELAKSANAAN GST TERHADAP EKONOMI NEGARA

2

Pelaksanaan GST akan diikuti dengan penurunan cukai pendapatan yang akan meringankan beban rakyat

Hanya sekitar 1.5 juta pekerja dari 13 juta pekerja (11%) yang membayar cukai. 89% yang lain berpendapatan rendah dan dikecualikan dari cukai.

Apabila GST dilaksanakan, 89% dari keluarga di Malaysia yang sebelum ini dikira tidak perlu membayar cukai kerana pendapatannya rendah, perlu membayar cukai GST

Malah, mereka juga tidak menikmati faedah dari penurunan cukai pendapatan kerana pendapatan mereka rendah.

Sebahagian besar rakyat Malaysia tergolong dalam kumpulan



HUJAH BERBEZA PELAKSANAAN GST TERHADAP EKONOMI NEGARA

2

Pelaksanaan GST akan diikuti dengan penurunan cukai pendapatan yang akan meringankan beban rakyat

ini yang terpaksa menanggung cukai baru tetapi tidak pula mendapat faedah dari penurunan cukai sedia ada.

Di negara-negara lain, GST dilaksanakan kerana ia diimbangi dengan penurunan cukai pendapatan (contohnya di Australia). Ini boleh dibuat kerana gaji pekerja di Australia rata-ratanya tinggi dan majoriti mereka memang sudah membayar cukai pendapatan.

Apabila GST diperkenalkan, beban cukai mereka tetap sama, hanya dibayar dalam bentuk yang berbeza.

Di Malaysia, pengenalan GST bermakna beban cukai tambahan kepada rakyat.



SOALAN LAZIM MENGENAI GST



Tahukah anda barang yang dikecualikan GST, akan tetap naik harga?

Untuk ketahui lebih lanjut, Jom Ikuti :

#FAHAMGSTTOLAKGST
TAKLIMAT PERCUMA GST

OLEH YB RAFIZI RAMLI
RABU, 18 DISEMBER 2013, 830 PM
AUDITORIUM MPAJ, AMPANG



Jangan bimbang, harga barang asas tidak dikenakan GST. Rakyat didahulukan!

Walaupun barang asas seperti beras tidak dikenakan GST, tetapi mesin, bahan pembungkusan, elektrik dan lain-lain untuk menghasilkan beras berpaket dikenakan GST.

Pengilang terpaksa menaikkan harga untuk menampung kenaikan kos akibat GST ini.



SOALAN LAZIM MENGENAI GST

**Negara lain melaksanakan GST.
Kenapa kita tidak boleh?**

Setiap cukai perlu disesuaikan dengan kedudukan sosio ekonomi negara itu.

Negara lain tidak sekaya Malaysia dan tidak mempunyai hasil minyak dan pelbagai hasil lain.

Ada negara yang tidak ada sumber lain, ada negara yang sistem cukainya lemah dan lebih mudah melaksanakan GST, ada negara yang melaksanakannya sebagai cukai gantian dengan menurunkan cukai pendapatan.

Hanya kerana negara lain melaksanakannya tidak bermakna ia baik untuk Malaysia.



SOALAN LAZIM MENGENAI GST

**Dulu kadar cukai 10% untuk cukai jualan.
Sekarang lebih baik kerana sudah turun
kepada 6%.**

**4 barang X RM₁₀
X 10% = RM₄
DULU SST**

**20 barang X RM₁₀
X 6% = RM₁₂
KINI GST**

**Dulu hanya 6-7 perkhidmatan harian yang
dikenakan cukai.
Dulu hanya 10 – 15 barangan harian yang
digunakan dikenakan cukai.**

**Kini 90% dari barangan dan perkhidmatan
harian dikenakan cukai, walaupun pada
kadar yang lebih rendah.**

**Jadi, bebanan rakyat seharian menjadi
lebih tinggi kerana lebih banyak barangan
& perkhidmatan yang dibayar cukai.**



SOALAN LAZIM MENGENAI GST

Tarif elektrik dikecualikan dari GST bagi pengguna domestik bagi 200 kwh pertama. Rakyat didahulukan, jangan bimbang.

Walaupun 200 kwh pertama tidak dikenakan GST, elektrik untuk industri dikenakan GST. Rakyat terkesan dari harga barang apabila pengilang terpaksa menaikkan harga.

Dianggarkan 40% dari isirumah menggunakan elektrik melebihi 200 kwh. Mereka akan terus terbeban dengan kenaikan berganda tarif elektrik selepas pengenalan GST.





TERIMA KASIH

**Sebarang persoalan dan maklumat terkini,
boleh didapati di blog
rafiziramli.com
Facebook page Rafizi Ramli**

#FAHAMGSTTOLAKGST